



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

PELANCARAN

#MAFBear

INISIATIF PERUBAHAN SOSIAL MEMBANTU WANITA DAN  
KANAK-KANAK YANG HIDUP DENGAN HIV

ANJURAN BERSAMA

MAJLIS AIDS MALAYSIA & YAYASAN AIDS MALAYSIA  
DENGAN KERJASAMA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

17 MEI 2016, 2:30 PETANG  
PAVILION KUALA LUMPUR

[Salutasi VIP]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.

## **MUKADIMAH**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yayasan AIDS Malaysia dan Majlis AIDS Malaysia atas inisiatif penganjuran majlis pada petang yang berbahagia ini.

2. Daripada perspektif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), majlis ini amat signifikan atas beberapa faktor. Projek #MAFBear [*disebut MAF Bear*], seperti yang kita sedia maklum, merupakan inisiatif terbaharu Yayasan AIDS Malaysia dalam memupuk keprihatinan masyarakat terhadap cabaran-cabaran serta isu-isu yang masih lagi membelenggu golongan wanita dan kanak-kanak yang hidup dengan HIV. Kutipan dana daripada setiap penjualan #MAFBear akan disalurkan kepada skim-skim bantuan kewangan dan program-program kesihatan yang membolehkan mereka menjalani kehidupan dengan akses rawatan, jagaan, sokongan HIV yang sempurna.

3. Saya bagi pihak KPWKM amat mengalu-alukan usaha seumpama ini yang menyokong aspirasi negara untuk mencapai akses universal kepada penjagaan kesihatan yang bermutu tinggi seiring dengan matlamat Rancangan Malaysia ke-11.

4. Keduanya, tahun ini masuklah tahun kesembilan yang juga merupakan tahun terakhir KPWKM menyalurkan peruntukan pengoperasian rumah-rumah perlindungan untuk manfaat orang yang hidup dengan HIV di bawah seliaan Majlis AIDS Malaysia. Bermula tahun hadapan, tanggungjawab itu akan diserahkan kembali kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Keputusan strategik ini merupakan hasil perbincangan Mesyuarat Penyerahan Semula Penyaluran Peruntukan Bagi Pengoperasian Rumah Perlindungan Orang yang Hidup Dengan HIV pada awal tahun ini.

Hadirin sekalian,

## **STATISTIK DAN MANFAAT**

5. Sepanjang tempoh sembilan tahun tersebut, KPWKM telah menyalurkan dana berjumlah RM 12.5 juta, termasuk RM 420,480.00 tahun ini untuk menampung kos pengoperasian 10 buah rumah perlindungan di seluruh negara yang merangkumi segenap lapisan komuniti yang terkesan oleh HIV & AIDS.

6. Suka saya ingin berkongsi sepanjang tempoh itu juga, lebih 1,130 orang telah menerima manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan menerusi program rumah perlindungan ini, termasuk 99 kanak-kanak. 55 peratus atau 626 daripada mereka telahpun menjalani rawatan antiretroviral yang dapat mengawal jangkitan HIV dengan menurunkan muatan virus dalam badan dan meningkatkan kiraan sel darah putih CD4 yang mengawal sistem imun badan dan mengelakkan kematian disebabkan penyakit berkaitan AIDS.

7. Kepatuhan kepada rawatan antiretroviral antara aspek pemulihan yang dititiberatkan dalam pelaksanaan program rumah perlindungan. Dengan berkat sokongan dan ketabahan pekerja sosial, para penghuni rumah perlindungan yang dahulunya terpaksa hidup melarat dan bergelandangan akibat disisihkan keluarga dan masyarakat, kini berjaya dipulihkan kembali semangat dan juga tahap kesihatan mereka.

8. Di samping rawatan dan pemulihan, pengisian program di rumah-rumah perlindungan ini juga memastikan mereka mendapat sokongan moral dan khidmat kebajikan serta bantuan penempatan pekerjaan agar mereka dapat hidup berdikari dan menjalani proses integrasi semula ke dalam masyarakat dengan lebih teratur.

Hadirin sekalian,

### **FAKTOR PENINGKATAN PENGIDAP HIV**

9. Rumah perlindungan merupakan talian hayat kepada ribuan rakyat yang terkesan oleh HIV. Namun kewujudan program ini juga merupakan petanda bahawa pemahaman dan penerimaan masyarakat umum terhadap isu-isu HIV masih lagi cetek. Meskipun setelah tiga dekad negara kita menangani HIV & AIDS dan kini adanya rawatan yang berkesan, ternyata stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV masih berada tahap yang kritikal, sehingga mereka yang hidup dengan HIV disisihkan keluarga dan masyarakat. Stigma dan diskriminasi juga merupakan faktor utama yang menghalang orang yang hidup

dengan HIV, khasnya wanita dan golongan muda, untuk tampil menjalani ujian dan rawatan walau disediakan secara percuma di hospital-hospital kerajaan.

10. Epidemik HIV dalam kalangan wanita juga amat membimbangkan. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, HIV merupakan punca kematian utama bagi wanita dalam lingkungan usia reproduktif di seluruh dunia. Pada tahun 2013, dua pertiga daripada 250,000 jangkitan HIV baharu dalam kalangan remaja di seluruh dunia melibatkan perempuan.

11. Situasi di negara ini juga tidak jauh bezanya. Kes HIV dalam kalangan wanita membabitkan 11.2 peratus atau 12,165 daripada 108,519 jumlah kes HIV terkumpul sehingga penghujung tahun 2015. Jangkitan HIV baharu sejak kemuncak epidemik pada tahun 2002 sehingga tahun 2015 telah menunjukkan penurunan sebanyak 50 peratus – daripada 6,987 pada tahun 2002 kepada 3,330 pada tahun lepas. Namun nisbah jangkitan HIV baharu wanita kepada lelaki pula semakin meningkat – daripada 1:10 pada tahun 2002 kepada 1:5 pada 2015. Lebih merunsingkan, peningkatan transmisi seksual HIV kepada 78 peratus berbanding 48 peratus enam tahun yang lalu. Manakala lebih 37 peratus daripada kes HIV terkumpul dalam kalangan wanita pula melibatkan golongan suri rumah.

12. Saya difahamkan, ketidaksetaraan gender, ketidakseimbangan sosio-ekonomi serta kurangnya literasi HIV & AIDS serta kesihatan seksual dan reproduktif antara faktor-faktor yang sering dikaitkan dengan peningkatan risiko wanita terhadap

HIV berbanding lelaki. Jelasnya, usaha untuk merapatkan jurang gender dalam konteks akses khidmat HIV dan kesihatan seksual dan reproduktif serta pemerksaan diri perlu dipergiat.

13. KPWKM percaya bahawa inisiatif #MAFBear dengan bantuan Selebriti Sokongan Riben Merah merupakan pembuka bicara yang dapat meningkatkan pemahaman umum tentang isu-isu HIV & AIDS yang menjejaskan wanita dan kanak-kanak serta memastikan kelangsungan wacana agar keprihatinan masyarakat terhadap mereka dapat terus dipupuk.

## **PENUTUP**

14. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada rakan-rakan korporat yang turut sama menyokong Yayasan AIDS Malaysia dalam melancarkan inisiatif #MAFBear ini – Pavilion Kuala Lumpur, Standard Chartered Scope International, L’Oreal Professionnel Malaysia, Yayasan Sime Darby, Serai Group Sdn. Bhd., Flora Luxe Decor dan Grand Hyatt Kuala Lumpur. Sekalung penghargaan yang istimewa kepada L’Oreal Professionnel Malaysia atas usaha meraih dana untuk manfaat kanak-kanak yang terkesan oleh HIV di bawah jagaan Yayasan AIDS Malaysia menerusi acara gunting rambut amal Colour For Life yang sedang berlangsung di Centre Court, Pavilion Kuala Lumpur. Saya amat menggalakkan orang ramai untuk turut serta dalam acara amal ini kerana anak-anak yang hidup dengan HIV ini memerlukan sokongan kita semua.

15. Sebagai penutup bicara, saya berharap agar Majlis AIDS Malaysia, Yayasan AIDS Malaysia serta rakan-rakan kerjasama

akan terus berjaya dalam merealisasikan objektif inisiatif ini serta pelaksanaan program rumah perlindungan dan usaha pencegahan HIV yang lainnya ke arah pembentukan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas daripada impak negatif HIV & AIDS.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran #MAFBear, inisiatif perubahan sosial Yayasan AIDS Malaysia untuk manfaat wanita dan kanak-kanak yang hidup dengan HIV.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.

[TAMAT]